A

SITI HAZANA ABDULLAH lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
ABU BAKAR KATAR H
[RAYUAN JENAYAH NO: JA-41(ORS)-5-12-2021]
10 APRIL 2022

B

Abstrak – *Sebelum wang jaminan penjamin, yang dibayar untuk memastikan kehadiran tertuduh ke mahkamah boleh dirampas oleh mahkamah, mahkamah perlu memastikan bahawa notis kepada penjamin diserahkan sewajarnya. Kanun Tatacara Jenayah tidak memperuntukkan cara penyampaian notis kepada penjamin. Oleh itu, cara penyampaian saman, seperti yang diperuntukkan dalam s. 34 KTJ, boleh diguna pakai kerana tujuannya sama seperti saman, iaitu, untuk memastikan kehadiran penjamin untuk memberi sebab mengapa wang jaminannya tidak sepatutnya dirampas mahkamah. Seterusnya, nota keterangan mahkamah perlu mengandungi butiran tentang cara, tarikh dan masa penyerahan notis berserta dengan akuan penerimaan notis tersebut oleh penjamin.*

C

D

E

PROSEDUR JENAYAH: *Jaminan – Rampasan wang jaminan – Ketidakhadiran penjamin pada tarikh sebutan yang ditetapkan – Rampasan menurut s. 404(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') – Prosedur yang perlu dipatuhi – Kekosongan dalam KTJ tentang cara penyampaian notis kepada penjamin – Sama ada cara serahan saman boleh diguna pakai – Sama ada notis bertujuan memastikan kehadiran penjamin di mahkaman sama seperti saman – Sama ada penyerahan secara fizikal – Sama ada Majistret perlu berpuas hati bahawa notis telah diserahkan kepada penjamin sebelum mempertimbangkan rampasan wang jaminan – Kanun Tatacara Jenayah, s. 34*

F

G

Tertuduh dituduh di Mahkamah Majistret atas 93 pertuduhan membabitkan kesalahan bawah s. 420 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Tertuduh tidak mengaku bersalah. Apabila tertuduh dan penjamin tidak hadir pada tarikh sambung bicara, Majistret mengarahkan waran tangkap dikeluarkan terhadap perayu dan satu notis kepada penjamin ('NKP') juga dikeluarkan dan tarikh sebutan ditetapkan pada 15 Julai 2021. Walau bagaimanapun, kedua-dua tertuduh dan penjamin tidak hadir pada hari yang ditetapkan. Oleh itu, Majistret memerintahkan tertuduh dilepaskan tanpa dibebaskan ('DNAA') dan wang jaminan berjumlah RM35,000 dirampas menurut peruntukan s. 404(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Terkilan, penjamin memfailkan notis rayuan ini, tetapi, apabila penjamin memaklumkan mahkamah tentang hasratnya untuk tidak meneruskan rayuannya, mahkamah membatalkan rayuan perayu. Walau bagaimanapun, mahkamah meneruskan dengan isu undang-undang penting berkaitan prosedur penyerahan NKP untuk maksud peruntukan s. 404(1) KTJ.

H

I

Obiter dictum:

(1) Penyerahan NKP penting kerana membabitkan hak harta yang dijamin bawah per. 13 Perlembagaan Persekutuan. Majistret mengeluarkan NKP seperti yang ditetapkan dalam Borang 42 KTJ. Kanun Tatacara Jenayah tidak memperuntukkan cara penyampaian NKP, sebaliknya hanya ada peruntukan membabitkan penyerahan saman bawah s. 34(2) KTJ. Dalam keadaan kekosongan dalam KTJ membabitkan penyerahan dokumen selain saman bawah s. 34 KTJ, penyerahan NKP boleh mengguna pakai cara serahan saman. NKP dalam Borang 42 mempunyai tujuan sama dengan saman dalam Borang 1, iaitu, menghendaki penjamin hadir di mahkamah dan memberi tunjuk sebab mengapa wang jaminannya tidak boleh dirampas. Menurut KTJ, penyerahan perlu dilakukan secara fizikal. Tiada peruntukan penyerahan dokumen bawah KTJ secara e-mel atau faksimili. Mengambil kira bahawa NKP juga menyamai notis dalam Borang 16D Kanun Tanah Negara, Majistret perlu berpuas hati bahawa NKP telah diserahkan kepada penjamin. Majistret juga perlu mencatatkan dalam nota keterangan berkaitan penyerahan NKP, butiran-butiran berikut: (i) cara penyerahan; (ii) tarikh dan masa diserahkan; dan (iii) sama ada penjamin mengakui menerima NKP. Sebaik berpuas hati dengan penyerahan NKP, barulah Majistret boleh menimbangkan untuk merampas wang jaminan RM35,000 atau sebaliknya, mengikut prinsip undang-undang. (perenggan 15, 17, 22, 23, 26 & 27)

Kes-kes yang dirujuk:

Kekatong Sdn Bhd v. Bank Bumiputra Malaysia Bhd [1998] 2 CLJ 266 CA ***(diikuti)***
Khor Ewe Suan & Anor v. PP [1964] 1 LNS 63 HC ***(dirujuk)***
Ramlee & Anor v. PP [1968] 1 LNS 118 HC ***(dirujuk)***
Royaya Abdullah & Anor v. PP [2005] 5 CLJ 398 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, ss. 34(2), 35(1), (4), 404(1)
Federal Constitution, art. 13
National Land Code, s. 431(1)(a), (b), (c), (d), (e)
Penal Code, s. 420
Police Act 1967, s. 20(3)(f)

Criminal Procedure Code 2010 [Sing], s. 3(1)(a), (b), (c), (d), (e), (ea), (eb), (f)

Bagi pihak perayu - Mohd Fazaly Ali Mohd Ghazali; T/n The Law Chambers Of Fazaly Ali
Bagi pihak responden - Mohd Syafiq Mohd Ghazali; TPR

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Majistret, Johor Bahru; Kes Tangkap No: JA-83-5354-11-2019.]

Dilaporkan oleh S Barathi

A

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar H:

Pengenalan

[1] Muhammad Dhiauddin bin Hassan (tertuduh) telah dituduh di
B Mahkamah Majistret (Jenayah), Johor Bahru, Johor Darul Takzim atas 93 pertuduhan membabitkan kesalahan di bawah s. 420 Kanun Keseksaan (Kanun itu).

[2] Memandangkan tertuduh menghadapi banyak pertuduhan, mahkamah ini tidak berhasrat untuk menurunkan pertuduhan kesemuanya. Mamadai
C dalam penghakiman ini merujuk satu pertuduhan membabitkan Kes Tangkap No: JA-83-5354-11-2018 yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 12.4.2018 di Muhammad & Associares yang beralamat 34-01, Jalan Molek 1/28, Taman Molek, di dalam Daerah Johor Bahru dalam Negeri Johor Darul Takzim telah menipu seorang perempuan
D Melayu nama Nurma Bte Ahmad KPT No: 90028025930 dengan memperdayakan beliau untuk mempercayai bahawa kamu adalah seorang peguam di firma berkenaan yang ada menawarkan rumah mampu milik Johor dengan bayaran deposit RM6,000.00 secara tunai kepada Muhammad & Associates yang mana beliau tidak menyerahkan wang tersebut sekiranya tidak diperdayakan sedemikian. Oleh yang demikian itu
E kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 420 Kanun Keseksaan.

[3] Tertuduh tidak mengaku bersalah atas semua pertuduhan. Kes tertuduh kemudiannya telah dibicarakan di hadapan Puan Nurasidah Bt Abd Rahman, Majistret, Mahkamah Majistret (Jenayah), Johor Bahru, Johor
F Darul Takzim (Puan Majistret itu).

[4] Perbicaraan telah ditetapkan pada 12 Julai 2021 untuk sambung bicara tetapi tertuduh tidak menghadirkan diri. Kes kemudiannya ditetapkan pada 15 Julai 2021 untuk mengetahui status waran tangkap yang dikeluarkan ke
G atas tertuduh dan notis kepada penjamin (NKP) yang dikeluarkan ke atas penjamin.

[5] Pada tarikh yang sama waran tangkap tidak dapat diserahkan ke atas tertuduh. Kes ini kemudiannya didengar oleh Tuan Mohd Zulhilmi bin Ibrahim, Majistret (Tuan Majistret itu) memandangkan Puan Majistret itu
H diarahkan berpindah ke Mahkamah Majistret, Batu Pahat, Johor Darul Takzim. Tuan Majistret itu telah memerintahkan semua pertuduhan terhadap tertuduh "DNAA". Tuan Majistret itu turut memerintahkan wang jaminan sejumlah RM35,000 dirampas menurut peruntukan s. 404(1) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ).

I **[6]** Penjamin yang terkilan dengan perintah merampas wang jaminan sejumlah RM35,000 telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi Malaya, Johor Bahru.

Latar Pentas Kes

[7] Tertuduh tidak mengaku bersalah atas 93 pertuduhan kesalahan menipu iaitu suatu kesalahan di bawah s. 420 Kanun itu. Pendakwaaan telah memulakan perbicaraan dan memanggil 21 orang saksi pendakwaan. Pada mulanya kes tertuduh didengar oleh Puan Majistret itu.

[8] Kes kemudiannya ditetapkan untuk sambung bicara pada 25 April 2021 hingga 29 April 2021. Pada 25 April 2021 peguam yang mewakili tertuduh iaitu Tetuan Fazaly Ali memaklumkan kepada mahkamah, pihaknya berhasrat untuk menarik diri dan tidak mewakili tertuduh. Tertuduh kemudiannya memohon perbicaraan ditangguhkan bagi membolehkan pihaknya melantik peguam yang baru. Mahkamah kemudiannya menetapkan sebutan kes pada 31 Mei 2021 bagi lantikan peguam dan tarikh sambung bicara ditetapkan pada 12 Julai 2021 dan 13 Julai 2021.

[9] Pada 31 Mei 2021, tarikh sebutan dilapangkan kerana mahkamah tidak bersidang susulan arahan Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan berikutan pengendalian kes-kes di Semenanjung Malaysia dalam tempoh perintah kawalan pergerakan 3.0 diperketatkan yang berkuat kuasa pada 23 Mei 2021.

[10] Mahkamah Majistret melalui suratnya bertarikh 31 Mei 2021 telah memaklumkan tertuduh dan penjamin tarikh sebutan pada 11 Julai 2021 untuk lantikan peguam. Pada 11 Julai 2021 tertuduh dan penjamin tidak hadir. Pada 12 Julai 2021, tarikh yang sepatutnya sambung bicara, tertuduh dan penjamin juga gagal menghadirkan diri. Pada 12 Julai 2021, Tuan Majistret itu telah mengarahkan waran tangkap ke atas perayu dikeluarkan. Begitu juga NKP turut dikeluarkan. Mahkamah seterusnya menetapkan 15 Julai 2021 untuk sebutan waran tangkap dan NKP.

[11] Pada 15 Julai 2021 tertuduh dan penjamin gagal hadir. Kemudiannya pada tarikh yang sama Tuan Majistret itu telah memerintahkan kesemua pertuduhan ke atas tertuduh di DNAA dan wang jaminan RM35,000 dirampas.

Merit Rayuan Perayu/Penjamin

[12] Mahkamah ini telah menetapkan pendengaran rayuan pada 7 April 2022. Perayu melalui peguamnya iaitu Tetuan Fazaly Ali telah memberitahu mahkamah ini melalui suratnya bertarikh 6 April 2022, perayu tidak berhasrat untuk meneruskan rayuannya berkaitan perintah Tuan Majistret yang merampas wang jaminan berjumlah RM35,000. Mahkamah ini kemudiannya pada hari pendengaran rayuan telah membatalkan rayuan yang difailkan oleh perayu.

[13] Mahkamah ini berpendapat walaupun perayu tidak meneruskan rayuannya, terdapat isu undang-undang yang penting di hadapan mahkamah ini berkaitan prosedur penyerahan NKP bagi maksud peruntukan s. 404(1) KTJ. Mahkamah ini berpendapat inilah peluang keemasan yang ada bagi mahkamah ini menggarap isu ini bagi kemudahan rujukan pada masa-masa hadapan.

[14] Mahkamah ini telah merujuk peruntukan s. 404(1) KTJ yang menjadi teras dalam pertimbangan apabila mahkamah bercadang untuk merampas wang jaminan. Prosedur atau tatacara sebelum wang jaminan dirampas ada dirungkai dalam nas-nas duluan antaranya ialah *Royaya Abdullah & Anor v. PP* [2005] 5 CLJ 398; *Khor Ewe Suan & Anor v. PP* [1964] 1 LNS 63 dan *Ramlee & Anor v. PP* [1968] 1 LNS 118; [1969] MLJ 42.

[15] Bagi maksud kes penjamin, Majistret telah mengeluarkan NKP sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang 42, KTJ. Bagi kemudahan rujukan dipetik NKP bertarikh 12 Julai 2021.

DALAM MAHKAMAH MAJISTRET JOHOR BAHRU
DALAM NEGERI JOHOR, MALAYSIA
KES NO.:JA-83-5354-11/2019
PENDAKWA RAYA LAWAN MUHAMMAD DHIAUDDIN BIN HASSAN
No Kad Pengenalan : 801013015595
NOTIS KEPADA PENJAMIN KERANA MELANGGAR BON JAMIN

Kepada: SITI HAZANA BINTI ABDULLAH
No. Pengenalan : 771229-01-5100
NO.58 JALAN SETIA TROPIKA 2/14
TAMAN SETIA TROPIKA
812000 JOHOR BAHRU
JOHOR

BAHAWASANYA pada 28 Julai 2020 kamu telah menjadi penjamin KEPADA MUHAMMAD DHIAUDDIN BIN HASSAN (No. Kad Pengenalan : 801013015595) yang beralamat di Muhammad & Associates 34-01, Jalan Molek 1/28, Taman Molek 81100 Johor Johor dengan mengikat diri kamu dengan Bon Jamin No JA 466622 bahawa tertuduh sepatutnya hadir di Mahkamah ini pada 12 Julai 2021 dan sekiranya berlaku sebarang keingkaran, kamu dilucutkan hak ke atas wang jamin berjumlah RM35,000.00 kepada Kerajaan Malaysia.

DAN BAHAWASANYA MUHAMMAD DHIAUDDIN BIN HASSAN telah gagal hadir ke Mahkamah ini pada 12 Julai 2021 dan akibat keingkaran tersebut, kamu dilucutkan hak ke atas wang jamin berjumlah RM35,000.00.

DENGAN INI KAMU DIKEHENDAKI membayar penalti tersebut atau hadir di hadapan Mahkamah Majistret Johor Bahru pada 15 Julai 2021 untuk memberi tunjuk sebab mengapa wang jaminan tersebut tidak boleh dirampas.

Bertarikh pada : 12 Julai 2021

(Meterai)
T.T.xxxx
Majistret
Mahkamah Majistret
Johor Bahru

[16] Berbalik kepada kes rayuan ini, mahkamah ini telah meneliti nota keterangan khasnya pada 15 Julai 2021 berkaitan perintah Tuan Majistret itu merampas wang jaminan RM35,000 sebaik kes tertuduh di DNAA. Mahkamah ini telah menghalusi nota keterangan dan membacanya berulang kali berkaitan NKP sama ada telah diserahkan ke atas penjamin yang beralamat No. 58, Jalan Setia Tropika 2/14, Taman Setia Tropika, 81200 Johor Bahru, Johor. Mahkamah ini tercari-cari adakah NTP telah diserahkan ke atas penjamin pada tarikh 15 Julai 2021? Jika diserahkan bilakah tarikhnya dan cara NTP itu diserahkan? Nota keterangan yang ada langsung tidak mencatatkan berkaitan penyerahan NKP kepada penjamin bagi membolehkan penjamin hadir dan memberikan penjelasan tunjuk sebab bagi maksud peruntukan s. 404(1) KTJ.

[17] Mahkamah ini telah meneliti KAJ bagi mengenal pasti adakah peruntukan berkaitan penyerahan dokumen termasuk NKP bagi tujuan s. 404(1) KTJ. Mahkamah ini telah membaca berulang kali peruntukan KTJ bagi maksud ini. KTJ tidak memperuntukkan cara penyampaian NKP sebaliknya peruntukan yang ada membabitkan penyerahan saman (borang 1) ada diperuntukkan di bawah s. 34(2) KTJ yang berbunyi seperti berikut:

> s. 34(2) Such summons shall ordinarily be served by a police officer but the Court issuing the summons may if it sees fit direct it to be served by any other person.

[18] Saman kelazimannya akan diserahkan oleh pegawai polis atau orang lain yang diarahkan oleh mahkamah sebagai contoh Pegawai Kesihatan, Pegawai LHDN atau Pegawai Majlis Bandaraya.

[19] Selanjutnya s. 35(1) KTJ memperuntukkan serahan saman jika boleh dilakukan secara serahan kendiri orang kena saman (OKS). Selanjutnya s. 35(4) KTJ memperuntukkan sekiranya selepas "exercise of due diligence" gagal menemui OKS, saman boleh diserahkan dengan meninggalkannya sesalinan OKS kepada ahli keluarga yang dewasa atau orang gaji OKS yang tinggal bersamanya.

[20] Persoalan selanjutnya sama ada peruntukan s. 34 dan s. 35 KTJ terpakai bagi maksud penyerahan NKP? Mahkamah ini telah meneliti KTJ, tiada takrifan "saman" diperuntukkan. Mahkamah ini berpendapat bagi maksud s. 34 KTJ ia merujuk saman yang ditetapkan dalam Borang 1 bagi membolehkan OKS hadir ke mahkamah bagi menjawab pertuduhan yang

dikenakan terhadapnya. Selanjutnya KTJ tidak memperuntukkan bagaimana atau cara untuk menyerahkan NKP (borang 42). Mahkamah ini berkesempatan menyelusuri undang-undang di negara jiran Malaysia yang berada di hujung Tambak Johor iaitu Singapura. Mahkamah ini merujuk s. 3 Criminal Procedure Code 2010 [Singapore] ada memperuntukkan cara serahan dokumen atas orang perseorangan bagi maksud CPC (Singapore) seperti berikut:

Service of notices, orders and documents 3. (1) Subject to this section, any notice, order or document (other than a summons or a notice to attend court issued under this Code) required or permitted to be served on a person under this Code may be served on that person:	
(a)	by delivering it personally to that person;
(b)	by addressing it to that person and delivering it at the last known residential address of that person to an adult person who is a member of his or her family;
(c)	by addressing it to that person and delivering it at the last known business address of that person to that person's employee or by addressing it to that person's advocate (if any) and delivering it to the advocate at the advocate's office;
(d)	by sending it by registered post addressed to that person at that person's last known residential or business address, or sending it by registered post addressed to that person's advocate (if any) at the advocate's office;
(e)	by addressing it to that person and transmitting it by fax to that person's last known fax number, or addressing it to that person's advocate (if any) and transmitting it by fax to the advocate's office fax number;
(ea)	by addressing it to that person, and transmitting it to an electronic mail address specified by that person in accordance with subsection (4A);
(eb)	by addressing it to that person's advocate (if any), and transmitting it to an electronic mail address specified by the advocate in accordance with subsection (4B);
(f)	by leaving it at that person's last known residential or business address, if service cannot be effected under paragraphs (a) to (e);

[21] Mahkamah ini merujuk s. 3(1)(a) hingga (f) CPC (Singapore), bagi penyerahan dokumen selain saman atau notis untuk hadir ke Mahkamah pelbagai cara diperuntukkan. Sebaliknya bagi KTJ, tiada peruntukan yang menyamai peruntukan s. 3 CPC (Singapore) bagi penyerahan dokumen.

[22] Mahkamah ini berpendapat dalam keadaan kekosongan (*lacuna*) di dalam KTJ membabitkan penyerahan dokumen selain saman di bawah s. 34 KTJ, secara analogi penyerahan NKP bolehlah mengguna pakai cara serahan

saman. NKP dalam Borang 42 mempunyai tujuan yang sama dengan saman dalam Borang 1. Mahkamah ini berpendapat NKP menghendaki penjamin untuk hadir ke mahkamah dan memberi tunjuk sebab mengapa wang jaminannya tidak dirampas. Mahkamah ini berpendapat NKP menyamai saman, sehubungan itu penyerahan NKP bolehlah mengikuti peruntukan s. 34 dan s. 35 KTJ. Mahkamah ini berpendapat mengikut KTJ, penyerahan dilakukan secara fizikal dan tiada peruntukan penyerahan dokumen di bawah KTJ secara e-mail atau faksimili sebagaimana s. 3(1)(a) hingga (f) CPC (Singapore).

[23] Mahkamah ini berpendapat penyerahan dilakukan oleh Pegawai Polis di bawah s. 34(2) KTJ selaras dengan tugas-tugas am Pegawai Polis yang termaktub di bawah s. 20(3) Akta Polis 1967 (Akta itu) yang memperuntukkan seperti berikut:

> s. 20(3) Without prejudice to the generality of the foregoing provisions or any other law, it shall be the duty of a police officer to carry out the purposes mentioned in subsection 3(3); and he may take such lawful measures and do such lawful acts as may be necessary in connection therewith, including:
>
> (a) apprehending all persons whom he is by law authorised to apprehend;
>
> (b) processing security intelligence;
>
> (c) conducting prosecutions;
>
> (d) giving assistance in the carrying out of any law relating to revenue, excise, sanitation, quarantine, immigration and registration;
>
> (e) giving assistance in the preservation of order in the ports, harbours and airports of Malaysia, and in enforcing maritime and port regulations;
>
> **(f) executing summonses, subpoenas, warrants, commitments and other process lawfully issued by any competent authority**;
>
> (emphasis added)

[24] Mahkamah ini berpendapat NKP (Borang 42) termasuk dalam frasa "other process lawfully issued by any competent authority" bagi maksud s. 20(3)(f) Akta itu.

[25] Mahkamah ini sedar tujuan sesuatu notis yang ditetapkan oleh undang-undang mempunyai tujuan tertentu dan bukan sekadar hiasan dinding. NKP merupakan salah satu bentuk notis kepada penjamin. Dalam isu ini eloklah dirujuk secara tamsilan iaitu notis Borang 16D Kanun Tanah Negara (Kanun itu) sebagaimana digarap oleh YA Gopal Sri Ram HMR (pada ketika itu) dalam kes *Kekatong Sdn Bhd v. Bank Bumiputra Malaysia Bhd* [1998] 2 CLJ 266 yang menyatakan:

A

> [2] The object of service of process is to bring the proceedings to the notice of the person being served, and there must be a reasonable probability that this object will be achieved. The procedure of "constructive service" is unknown under English law and is equally inapplicable in the Federated Malay States.

B

[26] Mahkamah ini berpendapat bagi maksud penyerahan Borang 16D ada diperuntukkan di bawah s. 431(1)(a) hingga (e) Kanun itu. Sebaliknya bagi tujuan penyerahan NKP bagi maksud peruntukan s. 404(1) KTJ, tiada peruntukan secara khusus ditetapkan. Mengambil kira NKP menyamai notis dalam Borang 16D yang dirungkai dalam kes *Kekatong Sdn Bhd* (*supra*),

C

mahkamah ini berpendapat Tuan Majistret itu perlu berpuas hati NKP bertarikh 12 Julai 2021 telah diserahkan kepada penjamin. Tuan Majistret itu perlu mencatatkan dalam nota keterangan berkaitan penyerahan NKP butiran-butiran berikut (i) cara penyerahan, (ii) tarikh dan masa diserahkan, dan (iii) sama ada penjamin mengakui menerima PKP. Sebaik Tuan Majistret itu berpuas hati penyerahan NKP, barulah Tuan Majistret itu menimbangkan

D

untuk merampas wang jaminan RM35,000 atau sebaliknya mengikuti prinsip undang-undang.

[27] Mahkamah ini ingin memberi ingatan penyerahan NKP ini penting kerana ia membabitkan hak harta yang dijamin di bawah Perkara 13

E

Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah ini mengambil peringatan yang dititipkan oleh YA Gopal Sri Ram HMR dalam kes *Kekatong Sdn Bhd* (*supra*) yang menyatakan:

> (1) The ownership of immovable property and all things appurtenant thereto is a very valuable right. It has been placed on a constitutional

F

> footing as a fundamental right by art. 13 of the Federal Constitution. Accordingly, any deprivation of immovable property must be in strict compliance of both substantial and procedural law.

[28] Mahkamah ini berpendapat walaupun kes *Kekatong Sdn Bhd* (*supra*) melibatkan harta tak alih, perkara 13 Perlembagaan Persekutuan ianya juga

G

termasuk harta alih iatu wang tunai. Sehubungan itu, pada masa hadapan apabila berhadapan dengan senario sebegini, penyerahan NKP perlu diteliti secara tertibnya sebelum bertindak merampas wang jaminan mengikut s. 404(1) KTJ.

Kesimpulan

H

[29] Mahkamah ini tidak bercadang untuk menyentuh merit rayuan perayu berkaitan rampasan wang jaminan RM35,000 terhadap penjamin. Mahkamah ini sekadar secara sepintas lalu menyentuh isu penyerahan NKP. Memandangkan perayu menzahirkan niatnya untuk tidak meneruskan rayuannya, mahkamah ini membatalkan rayuan yang difailkan oleh perayu.

I